

**Ideologi Islamik Pengarang Melalui Drama *Tiang Seri Tegak Berlima* Karya  
Noordin Hassan**

*The Islamic Ideology Through The Drama 'Tiang Seri Tegak Berlima' By Noordin  
Hassan*

Mohd Amir Mohd Zahari  
amir.mz@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Received: 17 May 2022; Published: 3 December 2022

Cite this article(APA) as:

Mohd Zahari, M. A. (2022). Ideologi Islamik Pengarang Melalui Drama 'Tiang Seri Tegak Berlima' Karya Noordin Hassan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 35 - 43. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/152>

**ABSTRAK**

Interpretasi karya Noordin Hassan lazimnya memperlihatkan unsur-unsur keagamaan dan kemasyarakatan dalam menentukan kerangka dalam fitrah manusia. Ironinya, karya Noordin Hassan bersandarkan kepada dua elemen yang mempengaruhi karyanya. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan membincangkan unsur-unsur ideologi Noordin Hassan melalui salah satu karya dramanya 'Tiang Seri Tegak Berlima' (TSTB). Berdasarkan kajian lepas, kajian mengenai teater fitrah banyak dilakukan terhadap teater Noordin Hassan selepas munculnya konsep teater fitrah. Justeru, artikel ini membincangkan secara terperinci berkaitan dengan ideologi yang terkandung di dalam naskah drama beliau iaitu *Tiang Seri Tegak Berlima*. Ideologi yang mencitrakan prinsip fitrah manusia yang beriman dan memiliki sikap positif dalam kehidupan.

**Kata kunci:** Drama Tiang Seri Tegak Berlima, Ideologi, Islamik, Noordin Hassan

**ABSTRACT**

*Interpretation of Noordin Hassan's usually shows religious and social elements in determining the framework in human nature. Ironically, Noordin Hassan's principles by Noordin Hassan focused on two elements that influence his work. In this regard, this article aims to discuss the elements of Noordin Hassan's ideology through one of his plays, entitled 'Tiang Seri Tegak Berlima' (TSTB). Based on previous studies, many studies on fitrah theater have been done on Noordin Hassan's theater after the emergence of the concept of fitrah theater. Thus, this article discusses in detail related to the ideology contained in his drama *Tiang Seri Tegak Berlima*. Ideologies that reflect the principles of human nature that believe and have a positive attitude in real life.*

**Keywords:** Drama Tiang Seri Tegak Berlima, Ideology, Islamic, Noordin Hassan,

## PENGENALAN

Bermula pada dekad ini juga aspek keislaman mulai ketara ditampikan di pentas bermuladengan pementasan ‘Tiang Seri Tegak Berlima’ karya dan arahan Noordin Hassan diMaktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1970 (Mana Sikana, 2011). Terdapat beberapa dramatis yang berusaha menampilkan hal ehwal keislaman melalui skrip masing-masing antaranya ialah A Rahim Abdullah (Asar Belum Berakhir), Mana Sikana (Hikmah), Suhaimi Haji Muhammad (Bulan Jingga), Hashim Karim (Pengorbanan), Abd. Talib Mohd. Hassan (Perhitungan), A.Shukor Harun (Ombak), Badaruddin M.Z (Tukang) dan Sapparman Bakri(Sekeruh Air di Cawan).

Menurut Mana Sikana (2006), berlakureformasi sistem pendidikan agama secara besar-besaran seiring dengan era kebangkitan gerakan Islam pada awal tahun 1970-an. Beliau merumuskan bahawa pengaruh Islam sebenarnya berperanan membangunkan sistem dan institusi pendidikannya sendiri di samping sebahagiannya terlibat secara langsung dalam arus pendidikan nasional. Apabila situasi ini dirujuk kepada kebangkitan penghasilan drama yang bercirikan konsep Islamik yang membawakan persoalan, perbincangan, isu dan aspek yang berkaitan dengan Islam, kesedaran dan usaha oleh penulis skrip dan pengarah teater di Malaysia untuk menampilkannya dalam karya masing-masing.

Ketokohan Noordin Hassan sebagai lagenda drama moden Malaysia tidak dapat disangkal lagi. Menurut Rahmah Bujang (2002) yang menyatakan karya Noordin Hassan mempunyai perwatakan yang memainkan peranan seperti drama-drama lain, iaitu melalui sesuatu keterujaan dan jatuh bangun kehidupan, tetapi bezanya ialah dalam karya beliau ciri-ciri tersebut terungkap dalam konteks hubungan manusia dengan Tuhannya dan tercetusnya idea teater fitrah dalam dunia teater di Malaysia. Apabila konsep ‘Teater Fitrah’ dicetuskan oleh Sasterawan Negara ini lewat 1970-an, tidak seorang pun pengkaji drama dan hasil kesenian di negara ini yang tampil memperincikan konsep tersebut. Apabila kita bercakap tentang estetik, sudah tentu ada kaitannya dengan nilai kerohanian (Mana Sikana, 2017). Justeru, dalam sesebuah karya, seorang pengarang atau penulis akan memperlihatkan pemikiran dalam membicarakan sesuatu isu dalam drama tersebut.

Dikaji daripada sudut yang lain, teks Noordin Hassan mewacanakan subjek kemasyarakatan seperti kekuasaan politik, situasi orang-orang Melayu dan sejarah masa silam dan masa kini umat Islam. Dengan menyatakan demikian Noordin Hassan sebenarnya selain daripada pembentukan akidah dan syariat, dramanya membawa mauduk atau subjek mujtamak yang bertimpal dengan aspek kekuasaan. Banyak sekali apa yang bangkit daripada drama Noordin Hassan ialah untuk mengembalikan manusia ke jalan yang diredhai. Hal ini kerana manusia terlalu ghairah membelok ke jalan-jalan atau ke lorong-lorong yang remeh yang menjerumuskannya kepada kehidupan yang tidak manfaat.

Berdasarkan kajian lepas, kajian mengenaiskrip drama “*Tiang Seri Tegak Berlima*” dan konsep teater fitrah banyak dilakukan. Dalam penghasilan artikel ini, pengkaji telah memilih drama “*Tiang Seri Tegak Berlima*” (TSTB) karya Noordin Hassan sebagai bahan kajian. Drama ini, pengkaji menganalisis mengenai idealogi pengarang yang terdapat di dalam karya ini. Dalam karya ini menyentuh isu-isu kemanusiaan yang penting selaras dengan ajaran tauhid, pandangan hidup dan syariah islam secara serius. Naskah Drama Tiang Seri Tegak Berlima adakah hasil karya yang Dato“ Noordin Hassan. Pada tahun 1970-an naskah ini dihasilkan dan kemudiannya dipentaskan. Karya Tiang Seri Tegak Berlima juga cerita lanjutan daripada karya drama Bukan Lalang Ditiup Angin. Drama “*Tiang Seri Tegak Berlima*” yang dikaji oleh pengkaji mengisahkan Siti Muhsinat sentiasa dihantui mimpi ngeri yang mencabar dirinya untuk berbakti kepada negara,

bangsa dan agama yang mengakibatkan dia selalu risau dan muram. Pak Ngah menyuruh Siti Muhsinat menyampaikan maksud mimpi itu kepada semua orang namun dia enggan berbuat demikian kerana dia sedar orang tidak akan menerima apa yang disampvaikannya. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian melalui drama tersebut bagi mengupas pemikiran masyarakat yang ada pada drama tersebut. Pemikiran masyarakat yang akan diketengahkan oleh pengkaji baik dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Kajian ini bertujuan meninjau idealogi Islamik dalam karya *Tiang Seri Tegak Berlima* karya Noordin Hassan dalam menampilkan isu-isu yang berkaitan dengan Islam di pentas teater.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menenal pasti idealogi Islamik oleh pengarang melalui drama *Tiang Seri Tegak Berlima* karya Noordin Hassan.
2. Menganalisis unsur-unsur idealogi Islamik melalui drama *Tiang Seri Tegak Berlima* karya Noordin Hassan.

### **SOROTAN LITERATUR**

Rahmah Bujang (2002), menyifatkan tahun 1980-an sebagai era di mana pengaruh Islam mulai menonjol dalam drama-drama Melayu di Malaysia, dengan meletakkan Noordin Hassan sebagai peneroka gaya dramatik Islam. Hal ini jelas menunjukkan bahawa selaras dengan deklarasi Noordin Hassan tentang prinsip-prinsip teater yang berasaskan Islam yang beliau namakannya sebagai Teater Fitrah yang dibentangkan pada tahun 1989. Konsistensi Noordin Hassan dalam mengemukakan pelbagai persoalan berkaitan idealogi beliau terhadap perkembangan unsur-unsur Islamik dalam karanya serta persekitarannya melalui drama-drama yang dihasilkan. Menurut Mana Sikana (2014) pula, prinsip Islam telah mula dihadirkan oleh Noordin Hassan dalam drama-drama beliau sejak akhir tahun 1970-an melalui ‘Jangan Bunuh Rama-rama’ dan ‘1400. Melalui penghasilan karya-karya drama Noordin Hassan beliau selepas itu, memperlihatkan usaha beliau untuk melaksanakan tanggungjawab untuk berdakwah melalui drama dan teater. Perkara ini telah memberi kesedaran kepada pengarang kerana satu pembaharuan perlu dilaksanakan agar masyarakat dapat di “*educate*” khususnya terhadap pengaruh Islam, amalan Islam dan nilai-nilai murni yang teradapat dalam agama Islam.

Berdasarkan kajian lepas, kajian mengenai skrip drama “*Tiang Seri Tegak Berlima*” dan konsep teater fitrah banyak dilakukan. Kajian tersebut banyak dibincangkan mengenai posisi watak perempuan Melayu dalam melibatkan teori feminisme, bentuk teater berdasarkan estetika Islam serta perbincangan mengenai konsep teater fitrah. Namun, kajian berkaitan pengaplikasian model-model dalam teater fitrah terhadap karya Noordin Hassan amat kurang dilaksanakan.

Hal ini kerana, sebagaimana yang dinyatakan oleh Siti Jasmina Ibrahim (2012), bahawa perjuangan dalam idealogi Islamik pemikiran pengarang tidak menyeluruh disambut oleh semua pengkarya, sebaliknya masih ramai yang kurang memahami konsep idealogi Islamik Noordin Hassan terutamanya dalam drama “*Tiang Seri Tegak Berlima*”. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melihat daripada konteks idealogi Islamik yang sepertimana yang terkandung dalam model teater fitrah sahaja. Pemilihan Selain itu, kewajaran pemilihan skrip drama ini dibuat memandangkan drama tersebut merupakan lanjutan drama “*Bukan Lalang Ditiup Angin*” di mana menurut Rahmah Bujang (2002), pertama kali Noordin Hassan menimbulkan kesan keislaman dalam arena teater tanah air adalah melalui drama “*Bukan Lalang Ditiup Angin*”.

Drama Islamik adalah instrumen dakwah untuk membina insan yang soleh dengan memaparkan mesej penceritaan dari segi nilai yang baik yang tercakup di dalamnya unsurunsur al-bir (kebajikan) dan at-Taqwa (Aminudin et al. 2009). Menurut Mana Sikana (2017), drama yang dihasilkan berkaitan dengan unsur-unsur dakwah adalah sebuah drama yang bertujuan untuk menyebarkan mesej dakwah mengenai didikan dan nilai Islam yang indah. Apabila tujuannya ingin menyampaikan dakwah ia perlu disampaikan dengan cara yang benar dan mematuhi syaria Islam kerana dakwah bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kemungkaran

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah analisis deskriptif. Kaedah ini menurut A. Halim Ali (2018), sesuai dengan data kajian dalam bentuk teks yang terdiri daripada karya skrip drama. Pengkaji telah menganalisis skrip drama *Tiang Seri Tegak Berlima* hasil Karya Noordin Hassan. Teks ini telah dipilih sebagai bahan kajian utama. Selain itu analisis yang mendalam terhadap kandungan drama ini yang meletakkan Noordin Hassan sebagai peneroka gaya dramatik Islam. Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan model teater fitrah sebagai kerangka teori. Hal ini jelas yang terdapat dalam Model teater fitrah yang telah diperkenalkan daripada acuan prinsip teater fitrah yang dikemukakan oleh Noordin Hassan pada tahun 1983. Model teater fitrah menjadi panduan dan sumber dapatan dengan menyifatkan sebagai satu model yang telah dikembangkan bersandarkan kepada prinsip teater fitrah. Prinsip teater fitrah yang menyalurkan konsep pementasan yang berasaskan agama Islam sepertimana yang dinyatakan lima prinsip utama iaitu beriman kepada Allah SWT, matlamat kehidupan, akidah yang suci dan syariat yang betul, kesan beriman kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, model teater fitrah ini didapati menawarkan prinsipnya yang paling penting iaitu memperakukan kefitrahan sesuatu teks mahupun pementasan drama. Walau bagaimanapun, kajian ini mengaplikasikan prinsip yang idealogi Islamik melihat dari sudut pemikiran penulis terhadap elemen-elemen beriman atau kepatuhan terhadap Allah SWT. Dalam konteks kajian ini, analisis berhubung dengan idealogi Islamik melihat kepada aspek, jalan cerita dan watak-perwatakan dalam skrip drama “Tiang Seri Tegak Berlima” memandangkan model ini sendiri akhirnya akan memihak kepada watak protagonis bagi memenangkan amal makruf nahi mungkar. Hasil daripada analisis teks dan kajian literatur lepas yang mendalam ini dapat menjawab persoalan kajian ini bagi menentukan ciri-ciri idealogi Islamik oleh pengarang dalam karya drama “Tiang Seri Tegak Berlima” .

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Amalan Sifat Keredhaan**

Daripada drama Noordin Hassan kegemarannya ialah mencitrakan sikap dan pandangan hidup umat Islam terkini terhadap syariatnya Intan Zahariah Gaisun & Arba'ie Sujud (2019). Sifat keredhaan dalam idealogi masyarakat yang ditonjolkan oleh Noordin Hassan dalam drama *Tiang Seri Tegak Berlima*. Hal ini mendapati bahawa pengarang mengetengahkan pemikiran masyarakat yang bersifat terbuka dan lebih redha dalam segala urusan yang terjadi. Menurut Rohaida Mohammed Dawam & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2016) mendapati bahawa sikap keredhaan dalam pemikiran masyarakat yang mempunyai hubungan yang positif dalam kehidupan harian. Jika dilihat, keredhaan yang membolehkan individu menerima ketentuan nasib yang telah ditentukan oleh Allah SWT sama ada berbentuk nikmat atau berbentuk musibah (malapetaka). Dalam keadaan yang susah atau senang. Setiap individu juga hendaklah reda dengan apa yang berlaku selepas dan semasa menjalankan aktiviti ini kerana setiap perkara yang berlaku itu adalah ketentuan dari ilahi dan mendatangkan hikmah yang besar jika dikaji secara mendalam. Hal ini dapat diteliti melalui drama “Tiang Seri Tegak

Berlima”, Pak Ngah merupakan salah satu contoh orang yang bersifat redha dan terbuka. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan dialog tersebut;

Pak Ngah: Hairan! (Berjalan beberapa tapak, selaku berfikir, sambil jarinya bermain-main marwas; berkata-kata berseorangan, tetapi jelas kedengaran).  
Mimpi serupa berulang-ulang. Kenapa? (Sejenak). Hm, hm, hm; a-a-a; (kepada SITI). Siti, pada pendapat Pak Ngah, mimpi itu adalah satu wahyu.  
Siti Muhsinat: Wahyu? Wahyu apa, Pak Ngah?  
Pak Ngah: Siti disuruh menyampaikan mimpi tu kepada orang semua. Itulah mimpi seupa berulang-ulang.

(Noordin Hassan, 2006: 230)

Melalui dialog di atas menunjukkan perbualan antara Pak Ngah dan Siti Muhsinat tersebut, jelas terbukti bahawa Pak Ngah merupakan seorang bersikap redha dan seringkali terbuka dalam segala hal. Dia memberi pendapat kepada Siti Muhsinat supaya menyebarkan mimpi dan memberitahu mimpinya itu kepada semua orang. Dia menganggap mimpi Siti Muhsinat itu suatu Wahyu yang disampaikan Allah. Terpapar sifat keterbukaan Pak Ngah dalam menerima mimpi Siti Muhsinat itu wahyu kerana ada sesetengah orang menganggap mimpi itu hanyalah mainan tidur dan tidak cuba untuk mencari jalan penyelesaian bagi mimpi tersebut.

### **Unsur Kerohanian dan Fitrah Manusia**

Noordin Hassan (1983) mempercayai bahawa beriman kepada Allah SWT itu ialah fitrah manusia. Noordin Hassan selain membawa buah fikiran alam Melayu ke dalam dramanya, iatidak akan boleh lari dari unsur Islam itu sendiri.Seterusnya, pengkaji juga mendapati bahawa pengarang mengetengahkan isu keagamaan. Menurut Noordin Hassan (2009), manusia mempunyai sifat positif dan negatif dan hidupnya sebagai individu dan dalam kelompok penuh cabaran dan dugaan. Biasanya manusia yang sebenar akan menyedari fitrahnya dan menggembleng segala unsur positif yang dimilikinya untuk menghadapi cabaran serta mencapai kesejahteraan. Melalui drama Tiang Seri Tegak Berlima isu keagamaan adalah isu yang amat dititikberatkan. Malahan, ada segelintir masyarakat memandang remeh terhadap agama. Mereka hanya mementingkan kuasa. Malah menjadikan agama sebagai suatu landasan melakukan sesuatu perkara yang negatif. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan drama Tiang Seri Tegak Berlima;

KKK: Kau pun boleh berkahwin dengan aku. He, he, heh,  
agama tidak melarang aku kahwin muda! Aku selalu makan  
makjun.

(Noordin Hassan,2006: 250)

Dialog tersebut jelas membuktikan bahawa watak yang dijayakan oleh Ketua Kumpulan Kapak (KKK) melambangkan dirinya dalam keegoannya dengan menjadi seorang berpengaruh kuat terhadap Siti Muhsinat. Selain itu, kekuatan rasa keinginan untuk menjadikan alasan agama untuk berkahwin muda sepertimana mengikut Sunnah. Hal ini memaparkan segelintir masyarakat yang berasa terancam dan masih mempertahankan diri dengan menggunakan hujah-

hujah agamanya. Jelaslah ideologi masyarakat yang dipaparkan dalam drama *Tiang Seri Tegak Berlima* menggunakan hujah-hujah agama semata-mata untuk kepentingan sendiri dan kuasanya.

### **Kekuatan Wanita Dalam Kehidupan**

Salman Al-Farisi (2017) dalam artikel yang bertajuk *Perempuan Melayu dalam Tiang Seri Tegak Berlima* Karya Noordin Hassan turut membincangkan mengenai kedudukan wanita Melayu dalam watak yang dipaparkan melalui watak Siti Muhsinat. Pengkaji juga mendapati bahawa pengarang menyetengahkan isu pandangan masyarakat terhadap perempuan Melayu. Perempuan Melayu dipandang rendah kedudukannya, kerana segelintir masyarakat menganggap kaum perempuan merupakan insan lemah. Pepatah Melayu ada mengatakan „Tangan yang menghayun buaian juga mampu menggoncangkan dunia“. Itulah senario sebenar wanita-wanita pada hari ini. Namun begitu dalam Drama *Tiang Seri Tegak Berlima*, wanita Melayu ditindas oleh golongan lelaki yang berkuasa. Hal ini dapat dilihat melalui petikan teks drama tersebut.

KKK: Lihat, cuba kaulihat. Mereka ini berlumba-lumba menghambaabdikan diri kepada aku. Itu jenis mereka. Kaulihat, untuk mendapat sesuatu, merayap di bumi pun tak mengapa. Itu jenis mereka. Dan kau, tinggal dengan khutbah lapuk kau itu.kau pun lihat. Untuk mendapat sesuatu, merayap dikakiku pun tak mengapa. Itu jenis mereka. Dan kau, pembawa wahyu, ya? Tak lama kau pun akan jadi seperti mereka.

(Noordin Hassan,2006: 256)

Jelasnya, bahawa KKK memandang rendah terhadap kedudukan Siti Muhsinat dan juga perempuan Melayu di kampung tersebut. Dia seolah-olah menganggap perempuan semuanya seperti hamba kepada kaum lelaki. Perempuan Melayu akan sujud di kakinya kerana dia mempunyai kuasa dan kekayaan. Dalam hal ini, KKK jelas menggambarkan bahawa perempuan Melayu insan yang lemah dan dapat dibeli dengan wang ringgit. Manakala ada sesetengah perempuan Melayu terutamanya Siti Muhsinat dianggap dia sebagai pengkritik, penghalang dan penghasut sehingga KKK menilai perempuan Melayu sebagai pengancam kekuasaannya. Siti Muhsinat adalah satu-satunya perempuan Melayu yang berani menentang dia. Watak yang dijayakan oleh KKK merupakan seseorang yang mempunyai harta dan kedudukan yang tinggi. Watak KKK juga melihat Siti Muhsinat adalah punca penghalang dan menempatkan setara dengan perempuan lain. Jelaslah di dalam drama *Tiang Seri Tegak Berlima*, kekuasaan dimiliki oleh kaum lelaki telah mendominasi kaum wanita.

### **Sifat Keikhlasan**

Apabila Noordin Hassan ingin mewacanakan sifat keikhlasan terhadap watak-watak ke dalam dramanya dengan tidak langsung idea dari unsur akhlak dan pemikiran Islam akan terpalit sama. Karya drama *Tiang Seri Tegak Berlima* membawa sifat keikhlasan dalam watak perwatakan ini untuk disebarluaskan sebagai satu gagasan pemikiran untuk diwacanakan sebagai satu pengajaran kepada masyarakat. Karya drama *Tiang Seri Tegak Berlima* mendapati bahawa pengarang menyetengahkan isu fitrah yang menjurus pada keikhlasan seseorang. Hal ini dilihat apabila orang yang berkedudukan tinggi selalunya menindas orang bawahan terutamanya dari

segi ekonomi. Mereka menggunakan pangkat dan kuasa mereka untuk menindas golongan yang lemah. Diskriminasi dianggap sebagai sesuatu yang tidak adil berdasarkan prinsip "setiap manusia harus diberi hak dan peluang yang sama". Namun begitu, orang yang bekedudukan tinggi tidak mementingkan hak kesamarataan individu. Mereka hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan nasib rakyat yang ditindas. Dalam drama *Tiang Seri Tegak Berlima*, penindasan ekonomi dapat dilihat melalui petikan teks tersebut;

Siti Muhsinat: Tuan tak sedar rupanya; memang banyak ada kena-mengena dengan kami. Banyak tanah kami kepunyaan tuan; orang-orang kami pun selaku milik tuan; perniagaan yang boleh diberi kepada kami; tuan bolot dan tuan alibabakan; tuan hidup kaki atas kaki dan kami dipijak pula.

(Noordin Hassan,2006: 251)

Dalam petikan tersebut, Siti Muhsinat menzahirkan nasib mereka yang ditindas oleh KKK. Semua tanah, kekayaan dan maruah diri mereka telah ditindas dan dipijak oleh KKK. Siti Muhsinat telah menunjukkan penguasaan KKK terhadap mereka. Kekuasaan yang dimiliki oleh KKK telah menjadikan dia seorang yang mementingkan diri sendiri sehingga sanggup merampas tanah hak milik penduduk kampung.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan perbincangan mengenai teks drama dapatlah kecenderungan pengarang dalam menghasilkan karya drama `Tiang Seri Tegak Berlima` dengan meneliti dan menghayati nilai-nilai Islam. Jika dilihat dengan tajuk *Tiang Seri Tegak Berlima* juga telah memaparkan fardu Ain sebagai umat Islam yang wajib menunaikan solat lima waktu sehari semalam dan solat adalah tiang kepada setiap umat Islam. Jika tidak mendirikan solat, maka runtuhlah agama Islam itu. Sebuah karya Noordin Hassan penonton diberi peluang untuk memahami mesej, nilai-nilai dan makna yang ingin disampaikan kerana karya beliau agak sukar untuk difahami. mengemukakan sesuatu yang berlandaskan kepada Islam Melayu dan Timur, dan mengemukakan ciri-ciri dan nilai ke dalam drama serta teater Melayu moden ciptaannya semasa drama lain dalam dekad-dekad tersebut cuba mencari sifat dan cirinya yang tersendiri.

Berdasarkan dialog-dialog yang diucapkan dalam drama tersebut tidak secara langsung dalam mengetengahkan unsur-unsur Islamik, tetapi ia jelas dipaparkan melalui simbol, tajuk, jalan cerita, konsep persembahan jelas menunjukkan satu dakwah kecil oleh Noordin Hassan melalui karyanya. Hal ini juga adalah untuk mendidik manusia kembali kepada jalan yang benar dan menyampaikan dakwah untuk kesan positif kepada para pembaca dan penonton.

## **RUMUSAN**

Demikian itu, pada ketika ini seharusnya, drama adalah antara cara berhikmah daripada pengarah dan penulis skrip Islam yang ingin meneruskan legasi Rasulullah S.A.W sebagai pendakwah untuk menyampaikan ilmu Islam kepada sasaran penonton drama tersebut. Berdasarkan huraian dalam naskah ini, dapat dilihat bahawa idealogi pengarang drama *Tiang Seri Tegak Berlima* telah menjelaskan secara terperinci berkaitan konsep fitrah manusia. Karya ini banyak memperihalkan tentang menzahirkan pola fitrah manusia yang perlu kembali kepada Pencipta dengan mematuhi

segala suruhannya. Drama ini sesungguhnya menjelaskan dua isu dominan yang menjadi obsesi Noordin Hassan iaitu isu keagamaan dan isu kerakyatan, isu dunia yang fana dan dunia yang nyata. Maka, melalui penelitian mendapati bahawa karya Noordin Hassan, Drama *Tiang Seri Tegak Berlima* sememangnya mengandungi nilai-nilai yang dapat mengukuhkan lagi jati diri Melayu. Setiap satu isi penyampaian serta pemikiran dikupas dengan baik supaya mesej yang ingin disampaikan melalui drama tersebut dapat difahami oleh pembaca.

## RUJUKAN

- Abu Hassan Othman, (1972). Struktur Famili dan Tingkah Laku Kekeluargaan di Sekmok. Satu Kajian Kes. Akademik. No 1, Julai, 15-41.
- A.Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- A Rahim Abdullah, (2007). “Masalah Estetika Melayu dalam Drama Noordin Hassan” dalam *Jurnal ASWARA*. Jilid 2 bil 2: 157-177.
- A.Wahab Ali, (2004). *Kesusasteraan Melayu Moden dalam Kajian dan Kritikan*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A.Wahab Ali, (2001). *Tradisi Pembentukan Sastera Melayu Moden*. Tanjung Malim . Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah Pemikiran Sastera Islam. *Fitrah Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*. Vol. 05.
- Intan Zahariah Gaisun & Arba’ie Sujud. (2019). Beriman Kepada Allah SWT Sebagai Fitrah Manusia Dalam Skrip Drama ‘Tiang Seri Tegak Berlima’ karya Noordin Hassan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. (1-11).
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pasca Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2014). *Teori Sastera Taabudiyah: Sastera Untuk Pengabdian*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd
- Mana Sikana. (2011). *Estetika Dramatik dan Spektakuler Teater*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana, (1989). *Pemikiran Drama 1971-1977, dalam Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 158-180.
- Noordin Hassan. (2007). “...demi Zaitun...” Kumpulan Drama Pilihan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noordin Hassan. Teater Fitrah. *Dewan Sastera*. Jilid XIII Bil. 9. September 1983: 3-6.
- Noordin Hassan (2006). *Tiang Seri Tegak Berlima*. Noordin Hassan (Ed.) Edisi Khas sasterawan Negara “...demi Zaitun...” *Kumpulan Drama Pilihan*. Hlm. 216-261. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahmah Bujang (2002). *Kandungan Semantik Keislaman dalam Drama Malaysia*. Halilah Haji Khalid (Ed.). Edisi Khas Sasterawan Negara Teater Fitrah dan Esei Pilihan. Hlm. 3-19. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rohaida Mohammed Dawam & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2016). *Pembangunan Sahsia Melalui Kefahaman al-Ibtala’*. *Jurnal Usuluddin* 44.
- Salman Al-Farisi. *Perempuan Melayu dalam Tiang Seri Tegak Berlima karya Noordin Hassan*. *Malay Literature*. Volume 30, No. 2. (2017). 277-296.



Siti Ezaleila Mustafa, (2009). *20 Tokoh Sasterawan*. Selangor. Medium Publications.

Solehah Ishak. (1996). *Bukan lalang ditiup angin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraini Binti Jamil @ Osman, Nurul Nadia Binti Ibrahim, Mohd Syariefudin Bin Abdullah, (2018). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Emeritus Publications.

Zulkarnain Mohamed. (2011). Pendekatan Ta'amul-taklif dalam Kajian Sastera. *Sari* 29 (1), 137-152.